



KEMENTERIAN KERJA RAYA  
MALAYSIA

# KENYATAAN MEDIA

## KESIAPSIAGAAN KEMENTERIAN DAN AGENSI DALAM MENGHADAPI BENCANA BANJIR DI KUANTAN PAHANG

YB Menteri Kerja Raya, Dato Sri Alexander Nanta Linggi telah melakukan lawatan ke Jalan Kuantan - Chukai (FT03), Seksyen 358.0 - 359.0 di Kuantan, bagi meninjau kesiapsiagaan kementerian dan agensi dalam menghadapi bencana banjir di Kuantan, Pahang, pada Isnin.

Jalan berkenaan berhadapan dengan situasi kerosakan iaitu mendapan dan *delimitation* yang teruk akibat kerap berlaku banjir dan dilalui kenderaan berat lebih muatan. Cadangan pembaikan bagi menyelesaikan masalah ini adalah menerusi kaedah *Partial Reconstruction* (CIPR).

Menyedari masalah ini, Dato Sri Alexander telah mengumumkan kelulusan segera peruntukan sebanyak RM1.5 juta bagi pelaksanaan CIPR iaitu kerja-kerja meninggikan jalan dan menguatkan struktur pavemen jalan yang baru. Usaha ini dilihat dapat mengelakkan kerosakan jalan akibat banjir.

Dato Sri Alexander menegaskan, penyelenggaraan jalan raya sentiasa diberikan keutamaan oleh Kementerian Kerja Raya (KKR) serta menjadi agenda utama dalam inisiatif kempen MYJalan yang merangkumi usaha untuk mengatasi pelbagai isu utama jalan raya seperti jalan rosak, masalah lampu jalan, perabot jalan dan sebagainya.

Kesiapsiagaan bagi menghadapi bencana termasuk banjir juga sentiasa menjadi keutamaan JKR, terutamanya dalam berhadapan dengan Monsun Timur Laut dan musim banjir.

Dalam tinjauan itu, Dato Sri Alexander telah diberi taklimat persediaan menghadapi situasi Monsun Timur Laut di negeri Pahang oleh YH. Dato' Ir. Ts. Hafizah Binti Zakaria, Pengarah Kerja Raya Pahang. Taklimat turut memperincikan kesiapsiagaan JKR Pahang dalam menyediakan keperluan logistik dan pengangkutan bagi tujuan membaik pulih dan membersihkan lokasi banjir, menyelaras laporan berkaitan bencana dan juga memberikan khidmat nasihat teknikal sebelum dan selepas banjir serta maklumat berkenaan laluan alternatif yang boleh digunakan oleh pengguna jalan raya sewaktu banjir berlaku.

Manakala di peringkat ibu pejabat JKR Malaysia, Bilik Gerakan Bencana (BiGBen) ini turut membuat pelaporan terkini berkenaan status bencana secara berkala ketika negara dilanda bencana Monsun Timur Laut. BiGBen merupakan pusat sehenti pengurusan maklumat bencana seperti kejadian bencana seperti banjir, cerun runtuh, jalan runtuh, jalan mendap dan jambatan rosak atau runtuh yang mana melibatkan jalan dibawah seliaan Jabatan Kerja Raya yang merangkumi Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri.

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

WWW.KKR.GOV.MY PRO@KKR.GOV.MY KEMENTERIAN KERJA RAYA KKR\_MALAYSIA @MOWORKS KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,  
50580 Kuala Lumpur



KEMENTERIAN KERJA RAYA  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

Selain itu juga, Dato Sri Alexander turut membuat tinjauan teknikal di beberapa lokasi di laluan Jalan Persekutuan yang perlu diberikan perhatian kritikal di sekitar Kuantan, iaitu Jalan Kuantan - Chukai (FT03) di Sek 361.9 (Jambatan Sg Ular) yang menghadapi situasi kerosakan pada sendi renggang.

Bagi langkah kawalan segera, tindakan pembaikan jangka masa pendek telah dilaksanakan dengan membuat tampalan pada sendi renggang yang rosak. Peruntukan sebanyak RM71,000 telah dimohon menerusi *Notification Of Emergency* (NOE).

Selain itu juga, JKR Pahang telah memohon peruntukan menaik taraf jambatan ini di bawah Program Menggantikan Jambatan Uzur, Sempit dan Tujuan Peningkatan Had Berat Muatan Di Laluan Utama Jalan Persekutuan bagi menyediakan infrastruktur yang lebih selamat serta memenuhi keperluan semasa. Usaha ini juga dapat membantu menyuraikan masalah kesesakan trafik di laluan ini yang kerap menjadi rungutan pengguna jalan raya.

**KEMENTERIAN KERJA RAYA**  
**12 DISEMBER 2023**